

21 DEC 2002
Mahathir-Kuarters (Bergambar)
PM LAWAT KUATERS GURU

BUKIT KAYU HITAM, 21 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Kuarters Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Bukit Kayu Hitam yang dibina bagi guru-guru di daerah ini, di sini.

Perdana Menteri meluangkan masa setengah jam meninjau kuarters itu dan diberi taklimat oleh Datuk Mohamad Nor Mohamad, pengerusi Kumpulan Encorp Sdn Bhd, syarikat yang membina projek itu.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzhir Mohd Khir turut melahirkan rasa puas hati dengan konsep dan pembinaan kuarters guru itu.

Perdana Menteri juga tertarik dengan peralatan serta perabot yang disediakan bagi setiap unit kuarters itu, kata Mohamad Nor kepada pemberita di sini.

Syarikat juga menunjukkan kepada Perdana Menteri contoh meja dan kerusi yang diperbuat dari gentian kaca yang tahan lama dan lebih murah bagi menggantikan meja dan kerusi yang diperbuat daripada kayu di sekolah-sekolah, katanya.

Mohamad Nor berkata Perdana Menteri mencadangkan supaya projek perabot itu dilaksanakan dengan melibatkan syarikat-syarikat kecil.

Kumpulan Encorp diberi hak membina 10,000 unit rumah guru di 109 tapak di seluruh negara berharga RM1.38 bilion bagi tempoh Mei 2000 hingga Jun 2003.

Mohamad Nor berkata sebanyak 9,492 unit atau kira-kira 95 peratus daripada projek itu telah disiapkan dan syarikat berharap dapat menyerahkannya kepada Kementerian Pendidikan pada Jun tahun depan mengikut jadual.

Projek kuarters guru berkenaan merupakan apartmen empat atau lima tingkat dengan keluasan kira-kira 1,000 kaki persegi bagi setiap unit yang mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Di bawah projek itu kerajaan hanya menyediakan tapak manakala Kumpulan Encorp membina bangunan yang kemudian disewakan kepada kerajaan untuk tempoh 30 tahun dan selepas tempoh itu ia menjadi milik kerajaan sepenuhnya.

-- BERNAMA
ZA RSL RHM PR